

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU PEMULIHAN JAWI DI MALAYSIA

Akmariah Mamat

kapt_sabry@yahoo.com

Sofiah Ismail

Fakulti Pendidikan Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia

43000 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

sofiah_ismail@yahoo.com.my

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang masalah penguasaan jawi murid Tahap Satu di kebanyakan sekolah kebangsaan. Keadaan ini perlu ditangani dengan segera supaya murid dapat menguasai kemahiran mengenal, mengeja, menulis dan membaca jawi sebelum memasuki Tahap 2. Meskipun program j-Qaf dilaksanakan tetapi murid yang berada di kelas pemulihan jawi perlu dibantu. Justeru itu guru perlu melipat gandakan usaha dan mencari kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat murid melepasi tahap pemulihan. Kelemahan murid mengenal huruf hijaiah dan lemah dalam bacaan jawi akan menjadi faktor penyumbang kepada kegagalan murid membaca Al Quran. Belajar sambil bermain dilihat sebagai satu kaedah yang sesuai digunapakai di kelas pemulihan Jawi.

Kata kunci : pemulihan Jawi, pengajaran & pembelajaran

Pengenalan

Tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam usaha mengangkat martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu Alam Melayu sejak kedatangan Islam di alam ini pada abad ke 13. Hamzah Fansuri, Nuruddin al Raniri adalah tokoh ilmuan tempatan yang lahir pada zaman kegemilangan Islam pada abad ke 17 dan 18. Mereka telah menghasilkan karya mereka menggunakan tulisan Jawi.

Sebelum negara mencapai kemerdekaan, Pendidikan Islam diajar secara non formal, iaitu dengan belajar di rumah guru, pondok dan madrasah. Sistem persekolahan formal mula diperkenalkan setelah negara mencapai kemerdekaan dengan menjadikan Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran yang wajib bagi setiap pelajar beragama Islam (Pusat Perkembangan Kurikulum,1991). Buku teks yang digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran ditulis dalam tulisan jawi dan ada yang ditulis dengan Bahasa Arab (Abdullah Ali Hassan,1980;Abdullah Jusoh,1990).

Tulisan Jawi ialah hasil pengubahsuaian dan penambahan huruf-huruf hijaiah untuk disesuaikan dengan pertuturan penduduk tempatan. Ubahsui ini bertujuan

memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Syed Naquib al Attas (1990) menyatakan huruf Ga (گ) diperkenalkan berasaskan huruf Kaf (ك), huruf Jim (ج) serta Cha (چ) berasaskan bunyi huruf Ta (ت) dan Jim (ج). Kang Kyoung Seouk (1990) berpendapat tulisan Jawi merupakan medium asas yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Malaysia pada hari ini terutama dalam pembelajaran Al Quran. . Pelajar dilengkapkan dengan kemahiran mengeja , menulis dan membaca sebagai matlamat Pelajaran Jawi bagi membolehkan pelajar memahami pelbagai bidang ilmu dalam Pendidikan Islam.

Kaedah, Konsep dan Strategi menurut Sarjana Islam

Menurut Kamus Dewan (2007) perkataan strategi dihuraikan sebagai rancangan yang teratur untuk mencapai matlamat atau kejayaan. Strategi juga bererti kebijaksanaan dalam mengurus sesuatu perkara. Perkataan strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti sering digunakan adalah merujuk kepada istilah yang sama. Kelima-lima perkataan ini mempunyai ciri-ciri persamaan dan saling melengkapi namundalam konteks pendidikan pengertian di antaranya berbeza.

Kajian Ab. Halim (2003) terdapat pelbagai kaedah dan strategi pengajaran yang dikemukakan oleh pakar pendidikan untuk dijadikan panduan oleh guru. Rashidi dan Abd. Razak (1995) membahagikan kaedah pengajaran kepada beberapa bahagian, iaitu kaedah pengajaran mendengar-bertutur, kaedah membaca –menulis, kaedah memerhati dan membuat. Guru sentiasa perlu mempelbagaikan teknik dan kaedah yang bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan dan juga tahap pengetahuan sedia ada pelajar.

Kepentingan membentuk insan beriman dan bertakwa seperti ini menjadikan guru-guru agama sangat perlu menguasai penggunaan kaedah pengajaran agar dapat menyampaikan setiap ilmu agama dengan sempurna dan lebih baik. Selain itu, kaedah pengajaran juga dapat memudahkan pelajar menerima setiap ilmu yang diberikan terutamanya dalam aspek penghayatan.

Menurut al-Syaibani dalam Ismail Ab. Rahman (1992:165) menyatakan kaedah mengajar bermaksud segala segi kegiatan terarah yang dikerjakan oleh guru dalam rangka tuntutan mata pelajaran yang diajarnya, ciri-ciri perkembangan murid-muridnya dan suasana alam sekitarnya dengan tujuan menolong murid-murid untuk mencapai pembelajaran yang diinginkan dan perubahan yang dikehendaki pada tingkahlaku mereka. Selanjutnya menolong mereka memperolehi maklumat, pengetahuan, kemahiran, kebiasaan, sikap, minat, dan nilai-nilai yang diinginkan.

Penggunaan kaedah pengajaran dalam pendidikan Islam secara berkesan akan menampakkan hasil apabila pelajar dapat menerima pengajaran yang disampaikan serta dapat menggunakan ilmu yang dipelajari. Namun begitu, terdapat juga guru-guru yang mengajar tidak menitikberatkan penggunaan kaedah yang sesuai dengan pelajar.

Menurut Ibnu Khaldun dalam Ismail Abdul Rahman (1992:112) kami perhatikan ramai dikalangan guru-guru yang ada pada zaman kami tidak mengetahui kaedah-kaedah pengajaran dan faedahnya. Diperingkat awal lagi mereka memulakan dengan masalah-masalah yang susah untuk pelajar memahaminya. Ramai guru yang merumitkan keadaan semasa proses pengajaran berlaku dan ini boleh menyebabkan pelajar rasa terbeban dan akhirnya pelajar tidak dapat menerima ilmu yang diajarkan.

Kepentingan Konsep dan Kaedah dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Kesediaan belajar merujuk kepada keadaan dalam diri seseorang yang bersedia dan berkebolehan untuk memperolehi sesuatu pengalaman baru (Sharifah Alwiah, 1985). Kesediaan perkembangan berkait pula dengan kematangan kognitif yang bergantung kepada beberapa perubahan intelek yang berperingkat umur. Kementerian pelajaran Malaysia (1990) menyatakan guru boleh menggunakan budi bicara dalam memilih pelbagai aktiviti.

Guru boleh menggunakan beberapa panduan sebelum mengaplikasikan sesuatu kaedah pengajaran, antaranya ialah:

1. kaedah mestilah secukupnya dengan tujuan dan matlamat pelajaran;
2. kaedah mesti sejajar dengan objektif pelajaran yang hendak dicapai;
3. kaedah juga haruslah sesuai dengan tabiat (nature) pelajaran yang diajar;
4. kaedah mesti sepadan atau setara dengan umur pelajar kaedah itu mestilah yang boleh atau mampu diaplikasikan oleh guru;
5. mempunyai masa yang cukup untuk mengaplikasikan kaedah berkenaan

An-Nashmy (1980) mencadangkan supaya guru memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman pelajar yang diajar, malah yang memberi kesan kepada jiwa dan menyentuh perasaan pelajar. Dengan cara ini pelajar akan memberi tumpuan yang padu dan dapat mengingati pelajaran dengan lebih cepat dan bertahan lebih lama. Untuk mencapai hasrat ini guru haruslah pandai memilih pendekatan yang sesuai dan teknik yang menarik dan ditambah pula dengan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang canggih dan menarik.

Kaedah pengajaran yang baik ialah yang mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Di samping itu, matlamat yang hendak dituju juga mestilah terang dan jelas. Strategi pengajaran ialah satu yang sangat penting dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Menurut Mohd Salleh Lebar (2007:78) murid-murid bosan dengan sebahagian guru yang mengajar sambil lewa dan tidak banyak perubahan dalam teknik pengajaran. Ini bukan sahaja berlaku pada kelas yang lemah tetapi juga berlaku pada kelas yang bijak.

Latar Belakang Tulisan Jawi

Program j-QAF adalah suatu usaha memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al Quran, Bahasa Arab dan fardhu Ain yang dilaksanakan di peringkat persekolahan rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri. Tenaga guru yang khusus digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuran, pengayaan dan penghayatan pelajar.

Pelajar istimewa dalam pendidikan khas juga akan dilibatkan dalam program j-QAF. Pelaksanaan ini memerlukan tenaga guru yang khas, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, bahan-bahan sokongan dan insentif yang khas serta kemudahan-kemudahan lain.

Definisi Pemulihan

Pemulihan mengikut terjemahan bahasa Arab ialah islah, yang membawa maksud mendamaikan atau membetulkan. Menurut Kamus Dewan (2007) ialah perbuatan

memulih atau mengembalikannya kepada keadaan semula, pemulangan atau pengembalian hak, harta benda dan lain-lain. Pemulihan bertujuan untuk membetulkan sesuatu yang kurang dan berbeza dengan aktiviti biasa semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Kaedah yang dikenali sebagai pemulihan dilaksanakan khusus untuk pelajar yang menghadapi kesukaran menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira atau ringkasnya untuk kumpulan yang lambat atau lemah (Sharifah Alwiah, 1983)

Robiah Kulop (1992) menyatakan bahawa Pringle mentakrifkan pemulihan sebagai pengajaran yang mempunyai pendekatan khas yang diperlukan oleh semua pelajar yang mundur dalam satu-satu mata pelajaran serta berkemahuan dan berkebolehan belajar melalui latihan yang sistematik dan dapat memenuhi keperluan mereka.

Pemulihan juga dikenali sebagai satu program pengajaran khas yang dirangka bagi memenuhi keperluan pendidikan untuk kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran di kalangan murid di sekolah biasa. Ini bermakna pemulihan sebagai tindakan khusus yang diambil untuk mengatasi kesusahan dari segi pembelajaran dalam kelas khas di sekolah biasa atau di pusat khusus yang dihadiri oleh pelajar secara sambilan dalam kumpulan yang diasingkan untuk pengajaran khusus oleh guru pemulihan (Ab. Halim Tamuri, 2007).

Sang M.S (1998) berpendapat pendidikan pemulihan adalah suatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran di dalam kelas.

Program j-QAF

Program j-QAF adalah suatu usaha memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al Quran, Bahasa Arab dan fardhu Ain yang dilaksanakan di peringkat persekolahan rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri. Tenaga guru yang khusus digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuran, pengayaan dan penghayatan pelajar.

Pelajar istimewa dalam pendidikan khas juga akan dilibatkan dalam program j-QAF. Pelaksanaan ini memerlukan tenaga guru yang khas, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, bahan-bahan sokongan dan insentif yang khas serta kemudahan-kemudahan lain.

Model Kelas Pemulihan Jawi

Jawi adalah sebahagian daripada komponen pendidikan Islam dan mula dilaksanakan pada tahun 2003 dengan pendekatan pengajaran dua waktu seminggu pada enam bulan pertama di Tahun Satu. Laporan pemantauan mengenainya mendapati penguasaan bacaan dan tulisan Jawi perlu dibaiki lagi. Oleh itu pemulihan Jawi dalam j-QAF menjadi keutamaan khususnya kepada pelajar yang tercicir supaya semua pelajar boleh menguasai Jawi setelah diberi bimbingan secara berterusan. Model Kelas Pemulihan Jawi ini diajar oleh guru khas pemulihan jawi dalam waktu yang sama dengan kelas Jawi biasa di semua sekolah dengan menggunakan modul pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pemulihan Jawi

Masalah penguasaan Jawi di kalangan pelajar menjadi isu yang hangat diperkatakan. Menguasai setiap kemahiran mengenal huruf adalah wajib bagi setiap pelajar terutamanya mengenal huruf tunggal Jawi. Pelajar yang tidak mengenal huruf tunggal Jawi akan menyebabkan mereka tertinggal apabila rakan-rakan yang seusia mereka telah mengikut kemahiran yang lebih tinggi dan semakin susah. Pelajar akan semakin sukar mengingat kembali apa yang diajarkan terkeliru dengan bunyi dan bentuk huruf yang hampir sama sebutan dan bentuknya. Menurut Muhammad Endut (1990) pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi akan semakin ketinggalan dalam Pendidikan Islam apabila alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru ditulis dalam tulisan Jawi.

Pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran asas ; mengenal , mengeja dan menulis huruf Jawi akan dipulihkan dalam sesi pembelajaran yang berasingan untuk memudahkan guru mengajar berdasarkan tahap pelajar. Kelas pemulihan Jawi ialah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru Kelas Pemulihan Jawi j-QAF yang mula dilaksanakan pada tahun 2003 adalah untuk pelajar yang tercicir . Pelajaran Jawi adalah salah satu komponen mata pelajaran Pendidikan Islam dengan pendekatan pengajaran sebanyak dua kali seminggu pada enam bulan pertama bagi Tahap Satu. Kelas ini dijalankan serentak dengan jadual waktu persekolahan sedia ada.

Pelajar yang tercicir ini akan menguasai sekurang-kurangnya kemahiran mengenal, mengeja dan menulis huruf tunggal jawi, suku kata terbuka dan perkataan yang dibina apabila dicantumkan dua suku kata terbuka. Pelajar yang dipilih mengikuti kelas ini adalah pelajar yang tidak melepasi ujian saringan yang dijalankan. Pelajar yang lemah dalam pelajaran Jawi ini perlu diberi perhatian dan tumpuan yang lebih dan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru juga sepatutnya diubah agar sesuai dengan pelajar dan minat pelajar.

Zulkifli Haji Dahalan (2003) menyatakan bahawa pendedahan Pendidikan Islam kepada setiap individu Muslim perlu bermula sejak kecil lagi. Penekanan Pelajaran Jawi wajar dilakukan ketika mereka mula mengenal huruf. Pembinaan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran kelas Pemulihan Jawi amat penting bagi mencapai matlamat yang telah disasarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pemulihan

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, guru dikehendaki melaksanakan aktiviti pemulihan bagi pelajar yang lemah untuk membantu mereka menguasai sesuatu kemahiran sebelum berpindah kepada tajuk atau kemahiran yang baru. Pelajar yang sangat lemah akan dikumpul dan diletakkan di dalam satu kelas yang berasingan supaya dapat dibimbing oleh guru pemulihan khas untuk beberapa ketika. Sekiranya pelajar dapat menguasai atau melepasi tahap kemahiran yang ditetapkan mereka akan di pindahkan ke kelas mereka yang asal.

Esah Sulaiman (2003) berpendapat guru bertanggungjawab mengenalpasti pelajar yang lemah dan memerlukan pemulihan melalui beberapa cara:

1. memerhati pelajar belajar;
2. menemubual pelajar berkenaan;

3. menganalisa kerja bertulis pelajar;
4. mengadakan ujian yang dapat membezakan pencapaian pelajar lemah, sederhana dan cerdas.

Terdapat dua strategi yang boleh dilaksanakan dalam aktiviti pemulihan (Sang M.S,1998):

1. secara berkumpulan: apabila terdapat sekumpulan kecil pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran yang sama, maka strategi kumpulan paling sesuai digunakan. Guru perlu merancang dan melakukan aktiviti pemulihan dengan sekumpulan pelajar yang lemah;
2. secara individu: apabila terdapat sekumpulan kecil pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran yang berlainan, strategi secara individu digunakan. Guru memberi tumpuan kepada pelajar yang mempunyai masalah tertentu dan selepas itu beralih kepada pelajar bermasalah yang lain pula. Bimbingan individu dalam kumpulan dilakukan secara bergilir.

Kebolehan setiap pelajar di dalam kelas adalah berbeza dari segi minat, kebolehan dan bakat tetapi proses pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh kebanyakan guru pada masa kini adalah kaedah secara menyeluruh. Keadaan ini menyebabkan sebahagian pelajar tidak dapat menguasai kemahiran yang diajar oleh guru. Maka hasilnya, pelajar yang tercicir akan ketinggalan berbanding rakan-rakan yang lain. Pelajar yang bermasalah ini memerlukan bantuan individu dan program pemulihan.

Kemahiran Membaca

Antara aktiviti pemulihan yang dapat dilakukan oleh guru di dalam kelas ialah membaca, menulis dan mengira. Alsagoff (1996) menyatakan kaedah pengajaran pemulihan membaca terbahagi kepada dua teknik, iaitu:

1. teknik am;
2. teknik khusus.

Teknik Am:

Seorang guru perlu melakukan proses saringan untuk mengenalpasti kelemahan yang dihadapi oleh pelajar sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Terdapat lima prinsip asas yang perlu dilaksanakan dalam program pemulihan:

1. Memulakan proses pengajaran mengikut tahap kebolehan pelajar
2. Pencapaian pelajar perlu sentiasa diberitahu
3. Pengajaran dan pembelajaran harus serupa dengan keadaan sebenar.
4. Rasa puas hati pelajar akan mempercepatkan dan memudahkan proses pembelajaran
5. Latihan yang banyak dan pelbagai harus dilakukan kerana pelajar perlu kepada pengalaman yang baru.

Teknik Khusus

Teknik khusus ini sesuai dijalankan terutama untuk pengajaran pemulihan dalam bidang kemahiran membaca. Antaranya menambah kadar kepantasan membaca: pelajar yang sudah pandai membaca, menambah kadar kepantasan membacanya akan menjadi mudah.

1. Selalu membaca: membaca bahan bacaan yang mudah dan yang menyenangkan adalah cara yang paling baik.
2. Penggunaan masa yang terhad: Menghadkan masa membaca akan mempercepat kadar bacaan

Kemahiran Menulis

Aktiviti menulis adalah merupakan salah satu aspek yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran Jawi. Pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran menulis akan menghadapi masalah dan guru perlu melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti mengenal dan menulis Jawi Aktiviti ini amat sesuai untuk pelajar kelas pemulihan sekolah rendah yang masih belum menguasai cara menulis Jawi. Kebanyakan pelajar sekolah rendah belum dapat menguasai kemahiran mengenal huruf tunggal Jawi. Mereka juga tidak dapat membezakan bunyi sebutan huruf yang hampir sama. Pelajar juga sering terkeliru dalam membezakan bentuk huruf yang hampir sama.

Konsep Belajar Sambil Bermain

Permainan adalah suatu aktiviti yang boleh merangsang minat murid untuk belajar. Permainan berbentuk pertandingan atau perlawanan bersama dengan peraturan tertentu akan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam suasana yang seronok.

1. Permainan "Roda Impian Jawi"

Permainan ini adalah sama seperti rancangan realiti "Roda Impian" . Murid diminta memilih satu suku kata atau huruf Jawi dan memusing roda. Penanda yang terdapat pada roda akan berhenti di salah satu suku kata atau huruf. Pelajar yang memusing roda diminta menyambung dan mengeja suku kata tersebut menjadi perkataan yang mudah difahami.

2. Joran Jawi

Guru menyediakan kad huruf tunggal hijaiyah atau kad suku kata terbuka berbentuk ikan. Pelajar akan memancing menggunakan joran dan akan mengeja suku kata. Pelajar yang dapat mengeja dengan betul akan diberi ganjaran.

3. Pandai Joran

Kad-kad huruf tunggal jawi akan ditampal di atas polisterin secara berselerak. Pelajar akan memilih dan menyebut suku kata atau huruf berulang kali. Pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran akan diajar menyebut huruf atau mengeja suku kata terbuka.

Pengelolaan Pengajaran dan Pembelajaran

Aktiviti yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah secara individu, kumpulan dan kelas secara terancang dan teratur di samping mengaitkan aktiviti dengan akhlak Islam dan nilai-nilai murni.

1. Aktiviti secara Individu

Aktiviti yang dijalankan secara individu memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi secara personal dengan guru dan secara tidak langsung guru dapat mengetahui kelemahan pelajar.

2. Aktiviti secara Kumpulan

Pembahagian kanak-kanak kepada beberapa kumpulan membolehkan pelajar berkomunikasi dan bekerjasama. Aktiviti yang berbentuk permainan sangat sesuai terutama guru mengadakan pertandingan.

3. Aktiviti secara Kelas

Aktiviti ini melibatkan seluruh kelas secara serentak. Guru menggunakan aktiviti ini untuk menyampaikan maklumat, arahan, penerangan, bercerita, bersoal jawab dan membuat refleksi sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran berakhir. Antara aktiviti yang sesuai dijalankan ialah nyanyian, bercerita atau kuiz.

Penutup

Guru merupakan orang yang paling kuat mempengaruhi pembelajaran pelajar dan mereka juga memainkan penting dalam mempersembahkan cara untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan melalui penggunaan bahan bantu mengajar, aktiviti berkumpulan, motivasi dan interaksi akan merangsang pelajar untuk belajar.

Guru yang bersifat positif akan menerima perubahan sebagai satu cabaran dalam profesion mereka. Sebaliknya guru yang mempunyai sikap negatif akan terus menggunakan kaedah pengajaran secara lama kerana ianya telah menjadi kebiasaan kepada guru tersebut. Dalam pembelajaran Jawi, guru perlu berusaha menggerakkan dirinya untuk mencapai kualiti kerja. Guru yang dinamik, cekap dan sentiasa berusaha untuk memajukan pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam bilik darjah dengan merancang teknik mengajar dan menghasilkan bahan bantu mengajar yang menarik.

Kaedah pengajaran perlu dipelbagaikan mengikut keperluan pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan yang berbeza dalam penguasaan Jawi bertujuan memudahkan pelajar memahami pengajaran guru dalam suasana gembira dan tanpa rasa terpaksa.

Program j-QAF yang dilaksanakan pada tahun 2003 merupakan satu langkah yang amat baik untuk memperbaiki penguasaan Jawi di kalangan pelajar. Sasaran j-QAF yang bertujuan untuk memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus kepada Jawi, Al Quran, bahasa Arab dan Fardhu Ain adalah satu usaha yang baik demi untuk membentuk keseimbangan spiritual dan jasmani pelajar.

Rujukan

- Alsagoff, Sharifah Alwiah. (1984). Teknologi Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Alsagoff, Sharifah Alwiah. (1986). Ilmu Pendidikan Pedagogi. Heinemann Asia. Kuala Lumpur.

- Alsagoff, Sharifah Alwiah. (1986). Teknologi Pengajaran. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Esah Sulaiman, (2003). Modul Pengajaran Asas Pedagogi. Fakulti Pendidikan. UTM. Johor
- Esah Sulaiman, (2003). Asas Pedagogi. Fakulti Pendidikan UTM. Johor.
- Kulop Hamzah, Robiah. (1992). Fungsi dan Masalah –Satu Kajian. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Lubis, Haji Maimun Aqsha dan Hj. Aspar, Roslan (2005): Kaedah Pengajaran Pengetahuan Agama Islam di Brunei Darussalam. Jurnal Pendidikan ,Vol.30 141-150
- Sang. Mak Song . (1997). Pedagogi 2: Pelaksanaan Pengajaran. Kumpulan Budiman. Kuala Lumpur
- Sang. Mak Song . (1997). Pedagogi 3 Pengujian dan Penilaian, Pemulihan, Pengayaan dan Pendidikan Inklusif Pengajaran. Kumpulan Budiman. Kuala Lumpur.
- Tamuri, Ab.Halim dan Jasmi, Kamarul Azmi (2007). Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Universiti Teknologi Malaysia. Johor Darul Takzim.